

# Liong Sik sibuk semua selepas lepas jawatan

UM - 6 JUN 2003

KUALA LUMPUR 5 Jun — Setelah meletak jawatan Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan bulan lepas, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik hari ini kembali semula dengan jadual hariannya yang sibuk.

Bagaimanapun aktiviti pertamanya hari ini adalah atas kapasitinya sebagai Pengerusi Majlis Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Beliau yang masih dalam cuti dari Kabinet hari ini melancarkan kad kredit MBF MCA, yang diperkenalkan oleh Kad kredit MBF Cards (Malaysia) Sdn. Bhd., (MBF Cards).

Kad kredit itu dicipta khusus untuk ahli MCA dengan MBF Cards akan menyumbangkan 0.1 peratus daripada caj yang dibelanjakan pemi-

lik kad MBF MCA kepada Tabung UTAR.

Pada sebelah petang pula, Liong Sik yang mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan bulan lepas, akan melawat kawasan Parlimen Labis yang diwakilinya.

“Saya akan melakukan apa sahaja yang boleh untuk membantu MCA, saya akan menggunakan persaraan saya untuk memberikan sumbangan kepada MCA,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Kad Kredit MBF MCA itu di sini hari ini.

Beliau mengumumkan peletakan jawatan sebagai Presiden MCA pada 23 Mei lepas bersama timbalannya Datuk Seri Lim Ah Lek.

Berikutan itu, Menteri Pe-

rumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy dilantik mengisi kekosongan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden MCA

Liong Sik kemudiannya sekali lagi mengumumkan

pengunduran dari Kabinet sebagai Menteri Pengangkutan pada 28 Mei dan diterima Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun peletakan jawatannya hanya berkuat kuasa apabila Dr. Mahathir mengumumkan Menteri Pengangkutan yang baru bagi menggantikannya.

Liong Sik tiba dari Australia semalam setelah seminggu berehat di negara itu.

Mengenai bentuk sumbangan kepada parti, beliau berkata, sumbangan itu boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk yang difikirkan sesuai.

Bagaimanapun beliau enggan menjelaskan maksud ‘bentuk yang sesuai itu’ memandangkan beliau masih bercuti.

“Saya masih dalam bercuti, jadi mental saya pun cutilah,” katanya.

Mengenai perkembangan Tabung UTAR, Liong Sik berkata, sehingga kini jumlah kutipan telah melebihi RM190 juta.

Universiti itu memerlukan RM1 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang membolehkannya berfungsi sebagai universiti yang berkesan.